

TATACARA PENYELENGGARAAN LAPORAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

ISI KANDUNGAN	M/S
1. Pengenalan	2
BAHAGIAN A - Tindakan PTJ	3-13
2. Penyelenggaraan dan Pengesahan Laporan	3
3. Muat Turun Laporan Baki Aset dan Laporan Data Induk	3-4
4. Penyediaan Maklumat Verifikasi Aset	5-6
5. Tindakan Semakan dan Verifikasi Fizikal Aset	6-8
6. Pengemaskinian Lampiran B3-A-A2 dan Lampiran B3-B-A2	8-11
7. Pengemaskinian Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan	11
8. Pengesahan Laporan Baki Aset Bukan Kewangan	12
9. Cetak Laporan dan Pengesahan	13
BAHAGIAN B - Tindakan Pejabat Perakaunan	14
10. Penyediaan Laporan Aset Bukan Kewangan Disatukan Mengikut Kementerian dan Pemantauan PTJ	14
11. Penutup	14

1. PENGENALAN

- 1.1. Tatacara ini disediakan sebagai panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan dalam menyelenggara laporan perakaunan Aset Bukan Kewangan yang diakaunkan di sistem iGFMAS berserta dengan semakan dokumen sokongan lengkap di PTJ.
- 1.2. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022 – Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan telah menetapkan tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menyelenggara Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan pada setiap bulan.
- 1.3. Ini bagi memastikan maklumat perakaunan berkaitan Aset Bukan Kewangan di Penyata Kewangan Kementerian dan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah tepat dan betul seperti berikut:
 - a. Transaksi Aset Bukan Kewangan diperakaunkan dan dilaporkan dengan struktur perakaunan yang tepat, dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam, Polisi Perakaunan dan peraturan lain yang berkuat kuasa.
 - b. Dokumen sokongan bagi transaksi di Laporan Baki Aset iGFMAS diselenggara dan disimpan dengan lengkap dan teratur bagi tujuan pengauditan dan naziran.
 - c. Bilangan dan amaun aset yang dilaporkan di Laporan Baki Aset iGFMAS disahkan dengan keberadaan fizikal aset di Kementerian/Jabatan.
- 1.4. Tatacara ini merupakan panduan untuk rujukan PTJ dan Pejabat Perakaunan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPANM Bil. 3 Tahun 2022 – Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan - Lampiran B3: Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan serta arahan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN A - TINDAKAN PTJ**2. PENYELENGGARAAN DAN PENGESAHAN LAPORAN**

- 2.1. Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan perlu dilaksanakan oleh PTJ Dipertanggung (PTJ) pada **setiap bulan** serta mengemukakan **laporan sukuan** kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan. **Rujuk Lampiran B3: Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan, SPANM Bilangan 3 Tahun 2022.**
- 2.2. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab terhadap semua maklumat yang dilaporkan dan disahkan tepat.
- 2.3. Maklumat dan dokumen yang disahkan hendaklah disimpan untuk tujuan rujukan dan sebagai dokumen sokongan bagi tujuan pengesahan laporan kedudukan baki aset di PTJ.
- 2.4. Ketua PTJ bertanggungjawab memastikan rekod dan dokumen kewangan berserta dokumen sokongan utama berkaitan perakaunan aset disimpan dengan selamat dan teratur secara *hardcopy* dan *softcopy*.

3. MUAT TURUN LAPORAN BAKI ASET (LBA) DAN LAPORAN DATA INDUK (LDI)

- 3.1. Proses muat turun Laporan LBA dan LDI adalah bagi membolehkan PTJ menyemak secara terperinci maklumat setiap aset yang diakaunkan di iGFMAS. Antara maklumat yang dipaparkan adalah nombor (ID) aset, perihal aset, tarikh dipermodalkan, usia guna, kos, susut nilai dan nilai buku bersih aset tersebut.
- 3.2. PTJ perlu *Log In* di Portal iGFMAS.
- 3.3. Muat turun Laporan LBA pada setiap bulan. *Contoh: 30 Jun 2025.*
 - i. [Modul Perakaunan Aset >> Laporan >> Laporan Baki Aset >> Jana](#)

ii. Contoh :

Kod PTJ Dipertanggung : 25110101

Nama PTJ : Jabatan Kastam

LAPORAN BAKI ASET

Jana

PILIHAN TEMPOH MASA PELAPORAN

Tahun Kewangan* 2024

Tarikh (Seperti pada)* 31.03.2024

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung 25110101

PILIHAN OBJEK

Vot/Dana

Program/Aktiviti atau Projek/Setia/Subsetia/CP

FORMAT LAPORAN

PDF

ALV

PILIHAN TAMBAHAN

Kelas Aset (Kod Akaun)

Carian Berdasarkan:

No. Aset & Subnombor

iii. Klik >> EXPORT untuk dimuat turun LBA ke salinan softcopy Microsoft Excel.

LAPORAN BAKI ASET

Laporan: ZND04AR028

Kod Tambar: ZND04AR028

Pengguna: 94050303373

KEMENTERIAN KESIHATAN

LAPORAN BAKI ASET TAHUN KEWANGAN 2021

SEPERTI PADA 30.06.2021

Tarikh: 13.07.2021

Masa: 17:51:22

View: Standard View

EXPORT

Klik export to Microsoft Excel

3.4. Muat turun Laporan LDI. Contoh: 30 Jun 2025.

i. Modul Perakaunan Aset >> Data Induk >> Laporan >> Data Induk Aset

Contoh :

- Tarikh Diwujudkan : **01.01.2018 – 30.06.2025**
- Baki Usia Guna : **30.06.2025**
- Format Laporan: **ALV**
- Klik **Jana**

The screenshot shows the 'LAPORAN DATA INDUK ASET' form with the following fields and annotations:

- PILIHAN TEMPOH MASA PELAPORAN**
 - Tarikh Diwujudkan: 01.01.2018 **Sehingga** 31.03.2024. **Annotation:** Tarikh diwujudkan : 01.01.2018 sehingga 30.06.2025
 - Tarikh Dikemaskini: (Terkini)
 - Baki Usia Guna Pada: 31.03.2024. **Annotation:** Masukkan baki usia guna 30.06.2025
- PILIHAN ENTITI**
 - Kumpulan PTJ & PTJ Membayar: (Empty)
 - Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung: 25110101. **Annotation:** Masukkan kod PTJ Dipertanggung
- PILIHAN OBJEK**
 - Vot/Dana: (Empty) **Sehingga** (Empty)
 - Program/Aktiviti atau Projek/Setia/Subsetia/CP: (Empty) **Sehingga** (Empty)
- FORMAT LAPORAN**
 - ☐ PDF
 - ☒ ALV. **Annotation:** Pilih Format Laporan "ALV"
- PILIHAN TAMBAHAN**
 - Kelas Aset (Kod Akaun): (Empty) **Sehingga** (Empty)
 - Carian Berdasarkan: ☒ Nombor Aset-Subnombor


ii. Klik >> EXPORT untuk muat turun LDI ke salinan *softcopy* Microsoft Excel.

The screenshot shows the 'LAPORAN DATA INDUK ASET' form with the following details:

- View:** [Standard View] **Export** (highlighted with a red box and arrow pointing to the table)
- Table Data:**

Pilihan Entiti - Pegawai Pengawal Dipertanggung	Pilihan Entiti - Perihal Pegawai Pengawal Dipertanggung	Entiti Pejabat Perakaunan	Entiti - Perihal Kumpulan PTJ & PTJ	Kelas Aset	Perihal Kelas Aset
B6	KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	1006	JABATAN KASTAM NEGERI KUALANT PAHANG	A1431101	TANAH KEDIAMAN PEGANGAN
B6	KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	1006	JABATAN KASTAM NEGERI KUALANT PAHANG	A1431101	TANAH KEDIAMAN PEGANGAN
B6	KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	1006	JABATAN KASTAM NEGERI KUALANT PAHANG	A1431101	TANAH KEDIAMAN PEGANGAN
B6	KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	1006	JABATAN KASTAM NEGERI KUALANT PAHANG	A1431101	TANAH KEDIAMAN PEGANGAN
- Annotation:** Klik export to Microsoft excel

- iii. Apabila muat turun selesai, copy keseluruhan data LDI (ctrl + A) dan *Paste* 'Value' di sheet LDI, TVA



4. PENYEDIAAN MAKLUMAT VERIFIKASI ASET

4.1. Setelah selesai muat turun LBA, kemas kini data LBA untuk mengeluarkan **Asset Dummy** daripada senarai Verifikasi Aset. **Filter Kolum AH – Kos Aset (RM)** pada **30.06.2025** dan **Padam (delete)** Nombor Aset yang bernilai Kosong (RM 0.00) di kolum tersebut:


- Klik sort & filter
- Klik filter

The screenshot shows an Excel spreadsheet with the following columns: **Perihal Aset**, **Tarikh Diperolehi**, **Unit Guna (Tahun/bulan)**, **Kod Item**, **Pegawai Pengawal Membayar**, **Kumpulan PTI & PTI Membayar**, **Kos Aset (RM) Pada 01/01/2024**, **Kos Perolehan (RM)**, and **Kos Pen**. The data includes various assets like 'HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - TANAH KEDIAMAN PE' and 'HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - TANAH PEJABAT PEGA'.


- Pada kolum AH, tick (/) hanya pada amaun 0.00 dan klik OK

The screenshot shows the 'Filter by Color' dialog box with the 'Select All' option checked. The 'OK' button is highlighted. The background shows the same Excel spreadsheet as before, but with the filter applied to the 'Kos Aset (RM)' column.


- d. Highlight semua row 0.00 dan klik kanan atas row tersebut. Pilih 'Delete Row' untuk padam amaun yang bernilai 0.00.



- e. *Unfilter* semula laporan baki aset tersebut dengan klik *clear filter*.



f. Copy Keseluruhan data LBA (ctrl + A) dan Paste "Value" di sheet LBA, TVA.



4.2. PTJ perlu menggunakan **Templat Verifikasi Aset** yang telah disediakan.

i. Templat yang disediakan mengandungi 5 *sheet* utama iaitu;

- *Sheet* LBA
 - *Sheet* LDI
 - *Sheet* Maklumat Verifikasi LBA
 - *Sheet* Pivot Aset TW
- Salinkan (copy & paste):**
- LBA yang telah dikemas kini ke templat *sheet* LBA
 - LDI yang dijana ke templat *sheet* LDI
 - Sheet* ini telah di formulakan. Hanya perlu "**refresh**" pada *Sheet* ini
 - Sheet* ini telah di pivotkan. Hanya perlu tab **Analyzer >> Refresh**

ii. Semak maklumat di *Sheet* Maklumat Verifikasi LBA

- Format yang terhasil seperti berikut:

KOLUM	PERIHAL
A	Perihal Entiti – Pegawai Pengawal
B	Perihal Entiti – Kumpulan PTJ & PTJ
C	No. Aset – Subnombor
D	ID Lama Aset
E	Kelas Aset
F	Perihal Aset
G	Butiran Lain Perihal Aset
H	No. Siri/Casis/No. Hak Milik

I	Tarikh Dipermodalkan
J	Kos Aset (RM) Pada DDMMYY
K	Susut Nilai & Penjejasan Nilai Berkumpul Pada DDMMYY
L	Nilai Buku (RM)
M	Pengesahan Kewujudan Aset (W) – Wujud / (TW) – Tak Wujud
N	Sekiranya Aset Tak Wujud Tetapi Ada di LBA
O	Nama Pegawai Pemverifikasi
P	DOKUMEN SOKONGAN : Ada / Tiada
Q	SEKIRANYA 'Ada' PILIH DOKUMEN YANG BERKAITAN
R	PERINCIAN DOKUMEN (Perincian dokumen seperti Nombor Geran/ Nombor Hakmilik/ Nombor Kontrak/ Nombor Dokumen)

FILE HOME INSERT PAGE LAYOUT FORMULAS DATA REVIEW VIEW								
Asifah binti Zainudin								
Clipboard Font Alignment Number Styles Cells Editing								
J2 =IF(\$C2=0,"",LBA1AD2)								
Pilihan Entiti - Pegawai Pengawal	Pilihan Entiti - Kumpulan PTJ & PTJ	No. Aset - Subnombor	ID Lama Aset	Kelas Aset	Perihal Aset	Butiran Lain Perihal Aset	No. Siri/Casis/No. Hak Milik	Tarikh Dipermodalkan
1	E2	100000055712-0		A1432101	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN KEDIAMAN		0	24/06/21
2	E2	100001289366-0		A1432101	BEREK		0	12/09/21
3	E2	100001289506-0		A1432101	BANGUNAN PENJARA		0	12/09/21
4	E2	100001644346-0	100000000013	A1432101	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN KEDIAMAN	KUATERS JABATAN IMIGRESEN PASIR GUDANG, JOHOR	0	19/08/21
5	E2	100000055784-0		A1432102	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN PEJABAT (T		0	23/08/21
6	E2	100001717680-0	100001644293	A1432102	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN PEJABAT (T	BUMBUNG TERMINAL IMPORT EKSPORT CIQ TG. KUPANG	0	14/01/21
7	E2	100001291923-0		A1432104	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN PENYETORAN		0	01/02/21
8	E2	100000182103-0	KDN/IM101/H/06/137	A1434101	TRAK RINGAN ATAU KENDERAAN UTILITI SUKAN	TOYOTA FORTUNER 2.5G (D) M/T	PN111JV5000001494	11/07/21
9		22,217.00						
100001								

- Jumlah aset di LBA - Kolum A (No. Aset - Subnombor) – Jumlah Aset di baris 100,001 (contoh) perlu sama dengan jumlah aset di LBA yang telah dikemas kini.

5. TINDAKAN SEMAKAN DAN VERIFIKASI FIZIKAL ASET

- 5.1. PTJ perlu melakukan semakan dan verifikasi ke atas **keseluruhan** Aset Bukan Kewangan berdasarkan kepada senarai aset di LBA bagi mengesahkan kewujudan fizikal aset di PTJ. LBA hendaklah diagihkan kepada pegawai bertanggungjawab di Unit Pengurusan Aset/ Unit Pengurusan Fasilitas untuk semak silang dengan dokumen perakaunan dan pengurusan aset.
- 5.2. PTJ boleh merujuk laporan pemeriksaan/ verifikasi Aset Bukan Kewangan daripada Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA), laporan kedudukan kos dan nilai aset tak alih JKR.PATA, fail-fail kelulusan berkaitan aset hadiah/sumbangan atau lain-lain laporan dan dokumen berkaitan yang mengesahkan pemilikan dan kewujudan aset bagi tindakan verifikasi ini .
- 5.3. Semasa proses verifikasi, PTJ perlu mengenal pasti setiap item aset dan melengkapkan *sheet* Maklumat Verifikasi LBA dalam kolum seperti berikut:
 - i. Isi W bagi aset wujud di LBA;
 - ii. Isi TW bagi aset tidak wujud tetapi ada di LBA;
 - iii. Kemas kini status berdasarkan **dropdown** bagi **aset tidak wujud tetapi ada di LBA – Kolum N (Pindahan Keluar Belum Diperakaunkan/ Pelupusan Belum Diperakaunkan/ Lain-lain Aset Belum Dikenalpasti)**; dan
 - iv. Kemas kini nama Pegawai Bertanggungjawab / Pemverifikasi.

H	I	J	K	L	M	N	O
No. Siri/Casus/No. Hak M	Tarikh	Nilai	Saldo	Nilai	PENGESAHAN KEWUJUDAN ASET (W) - Wujud (TW) - Tak Wujud	SEKIRANYA ASET TAK WUJUD TETAPI ADA DI LBA	NAMA PEGAWAI PEMVERIFIKASI
1					05.28	W	Alif bin Mamat
2					15.04	W	Alif bin Mamat
3					33.33	W	Alif bin Mamat
4					10.72	W	Alif bin Mamat
5					35.79	W	Alif bin Mamat
6					42.72	TW	Pindahan Keluar Belum
7					71.00	TW	Pindahan Keluar Belum
8							Alif bin Mamat
9	PN111/V5000001494	11/07/2006	99,000.00	-99,000.00	0.00	TW	Pindahan Keluar Belum

5.4. Melengkapkan maklumat dokumen sokongan bagi Aset Wujud (W) berdasarkan **Slicer Filter OS : 31, 32, 33** bagi ATA (termasuk Hartanah Pelaburan, AUC & Aset Pajak/Konsesi) di Kolum P, Q dan R.

- i. Kemas kini status **Ada/ Tiada** berdasarkan **dropdown** > Dokumen Sokongan; dan
- ii. Kemas kini pilihan dokumen berdasarkan **dropdown** > Sekiranya 'Ada' Pilih Dokumen Yang Berkaitan.
- iii. Isi Perincian Dokumen (Perincian dokumen seperti Nombor Geran/ Nombor Hakmilik/ Nombor Kontrak/ Nombor Dokumen dan lain-lain maklumat berkaitan).

M	N	O	P	Q	R	T	U
PENGESAHAN KEWUJUDAN ASET (W) - Wujud (TW) - Tak Wujud	SEKIRANYA ASET TAK WUJUD TETAPI ADA DI LBA	NAMA PEGAWAI PEMVERIFIKASI	DOKUMEN SOKONGAN Ada Tiada	SEKIRANYA 'Ada' PILIH DOKUMEN YANG BERKAITAN	PERINCIAN DOKUMEN (Perincian dokumen seperti Nombor Geran/ Nombor Hakmilik/ Nombor Kontrak/ Nombor Dokumen)	OS	
W		Alif bin Mamat				31	
W		Alif bin Mamat				32	
W		Alif bin Mamat				33	
W		Alif bin Mamat				34	
W		Alif bin Mamat				35	
W		Alif bin Mamat				39	
TW	Pindahan Keluar Belum Diperakunkan	Alif bin Mamat					

5.5. Semak maklumat di **Sheet Pivot Aset TW** Ada di LBA

- Refresh* bagi mengemaskini data di *table* Pivot Aset TW. Letakkan kursor dalam *Table* Pivot Aset TW, pada tab **Analyzer >>Refresh**.
- Pastikan **bilangan dan Nilai Buku aset tepat seperti di tab LBA**.
- Filter OS bagi **ATA** (termasuk Hartanah Pelaburan, AUC & Aset Pajakan/Konsesi): **Filter : 31,32,33**.
- Filter OS bagi **AA, ATK, Aset Biologi** (termasuk AUC & Aset Pajakan/Konsesi): **Filter : Selain** daripada 31,32,33.

SENARAI ASET TIDAK WUJUD TETAPI ADA DI LAPORAN BAKI ASET (LBA)						
1						
2						
3						
4	PENGESAHAN KEWL TW					
5	OS (Multiple It)					
6	Kelas Kumpulan Ase (All)					
7	Kelas Akaun (All)					
8						
9						
10	Kod Pegawai Pengawal Membayar	Kod PTJ Membayar	Kod PTJ Dipertanggung	Kod Pegawai Pengawal Dipertanggung	Kod Pejabat Perakaunan Dipertanggung	Kod Akaun
11	C6	35234000	54010200	E2	1110	A2032101
12	C6	35234000	54010200	E2	1110	A2032101
13	C6	35234000	54010200	E2	1110	A2032101
14	C6	35234000	54010200	E2	1110	A2032101
15	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
16	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
17	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
18	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
19	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
20	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
21	E2	54010200	54010200	E2	1110	A1434101
22						
23						
24						
25						
26						
27						
28						
29						
30						
31						
32						
33						
34						
35						
36						
37						
38						
39						
40						
41						
42						
43						
44						
45						
46						
47						
48						
49						
50						
51						
52						
53						
54						
55						
56						
57						
58						
59						
60						
61						
62						
63						
64						
65						
66						
67						
68						
69						
70						
71						
72						
73						
74						
75						
76						
77						
78						
79						
80						
81						
82						
83						
84						
85						
86						
87						
88						
89						
90						
91						
92						
93						
94						
95						
96						
97						
98						
99						
100						

Filter OS bagi AA, ATK, Aset Biologi (termasuk AUC & Aset Pajakan/Konsesi):
Selain daripada 31,32,33

Filter OS bagi ATA (termasuk Hartanah Pelaburan, AUC & Aset Pajakan/Konsesi):
31,32,33

6. PENGEMASKINIAN LAMPIRAN B3-A-A2 DAN LAMPIRAN B3-B-A2

6.1. Kemas kini Lampiran **B3-A-A2 bagi Aset Alih (AA)**, Aset Biologi dan Aset Tak Ketara (ATK) seperti berikut:

- Bagi *sheet* **AA Lampiran B3-A-A2 (i)** - Senarai Aset Wujud Tiada di LBA:
 - PTJ perlu mengemaskini aset wujud tetapi tiada di LBA secara manual di format excel;
 - Sekiranya aset belum wujud di iGFMAS, maklumat aset perlu dikemas kini berdasarkan Nilai Kos atau NBV; dan
 - Maklumat di kolom catatan perlu menggunakan *dropdown* yang disediakan.

ii. Bagi **sheet AA Lampiran B3-A-A2 (ii)** - Senarai Aset Tidak Wujud ada di LBA:

- Pastikan **sheet** Pivot Aset TW Ada di LBA dalam mod filter OS bagi AA, ATK, Aset Biologi (termasuk AUC & Aset Pajakan/Konsesi). **Filter : Selain** daripada **31,32,33**.
- Salin (**copy & paste**) data dari **sheet** Pivot Aset TW Ada di LBA berdasarkan perihal kolum seperti berikut:

Kolum Pivot Aset TW Ada di LBA	Kolum Lampiran B3-A-A2(ii)	Perihal
A	C	Kod Pegawai Pengawal Membayar
B	E	Kod PTJ Membayar
C	F	Kod PTJ Dipertanggung
D	G	Kod Pegawai Pengawal Dipertanggung
E	H	Kod Pejabat Perakaunan Dipertanggung
F	I	Kod Akaun
G	J	Perihal Aset
H	K	No. Aset
I	L	ID Aset Lama
K	M	Jumlah Keseluruhan Aset - Bilangan
L	N	Jumlah Keseluruhan Aset - Amaun (RM)
J	P	Catatan

SENARAI ASET TIDAK WUJUD TETAPI ADA DI LAPORAN BAKI ASET (LBA) SEPERTI PADA <DD><MM><YY> (Contoh: 30 September 2024)																
BIL.	Maklumat Penempatan Aset						Kod Akaun	Perihal Aset	No. Aset	ID Lama Aset	Jumlah Keseluruhan Aset		Tindakan Perlu Diambil	Catatan	Semakan Diselesaikan di Peringkat	Jangkaan Tarikh Tindakan Selesai
	Kod Pegawai Pengawal Membayar	Kod Pejabat Perakaunan Membayar	Kod PTJ Membayar	Kod PTJ Dipertanggung	Kod Pegawai Pengawal Dipertanggung	Kod Pejabat Perakaunan Dipertanggung					Bilangan	Amaun (RM)				
1	B6	1102	27024101	27024101	B6	1102	A1435101	PETI BESI	100001263840-0	KK/JANM/H/12/416	1	0.00	Tindakan Pelupusan Aset akan dilaksanakan pada 06.12.2024	Pelupusan Belum Diperakaunkan di IGFMS	PTJ A dan PTJ B	06.12.2024
2	B6	1102	27024101	27024101	B6	1102	A1435103	KABINET	100001655757-0	KK/JANM/H/20/124	1	1,288.80	Pindahan daripada PTJ A ke PTJ B akan dilaksanakan pada 06.12.2024	Pindahan Keluar Belum Diperakaunkan	PTJ A dan PTJ B	06.12.2024
3	B6	1102	27024101	27024101	B6	1102	A1435103	KABINET	100001655759-0	KK/JANM/H/20/125	1	1,288.80	Pindahan daripada PTJ A ke PTJ B akan dilaksanakan pada 06.12.2024	Pindahan Keluar Belum Diperakaunkan	PTJ A dan PTJ B	06.12.2024

- iii. Pastikan semua kolum di **Lampiran B3-A-A2** bagi Aset Alih (AA), Aset Biologi dan Aset Tak Ketara (ATK) diisi dengan lengkap dan jumlah keseluruhan adalah tepat.
- iv. Bagi ruangan **Tindakan Perlu Diambil**, PTJ perlu mengisi maklumat lengkap. Contohnya :
- Pindahan daripada PTJ xxxxxxxx1 kepada PTJ xxxxxxxx2 akan dilaksanakan pada **DD/MM/YY**; atau
 - Tindakan pelupusan aset akan dilaksanakan pada **DD/MM/YY**; atau
 - Perakaunan aset hadiah/ sumbangan akan diakaunkan pada **DD/MM/YY**; atau
 - Data tercicir akan dimigrasi pada **DD/MM/YY**; dan
 - Lain-lain penjelasan berkaitan tindakan yang akan diambil bagi aset yang wujud tetapi tiada di LBA atau aset tidak wujud tetapi ada di LBA.

6.2. Kemas kini Lampiran **B3-B-A2** bagi **Aset Tak Alih (ATA)** seperti berikut:

- i. Bagi *sheet* **ATA Lampiran B3-B-A2 (i)** - Senarai Aset Wujud Tiada di LBA:
 - PTJ perlu mengemaskini aset wujud tetapi tiada di LBA **secara manual** di format excel;
 - Sekiranya aset belum wujud di iGFMAS, maklumat aset perlu dikemas kini berdasarkan Nilai Kos atau NBV; dan
 - Maklumat di kolom catatan perlu menggunakan *dropdown* yang disediakan
- ii. Bagi *sheet* **ATA Lampiran B3-B-A2 (ii)** Senarai Aset Tidak Wujud ada di LBA:
 - Pastikan *sheet* Pivot Aset TW Ada di LBA dalam mod filter OS bagi **ATA** (termasuk Hartanah Pelaburan, AUC & Aset Pajakan/Konsesi). **Filter : 31,32,33.**
 - Salin (***copy & paste***) data dari *sheet* Pivot Aset TW Ada di LBA berdasarkan kolom seperti berikut:

Kolum Pivot Aset TW Ada di LBA	Kolum Lampiran B3-B-A2(ii)	Perihal
A	C	Kod Pegawai Pengawal Membayar
B	E	Kod PTJ Membayar
C	F	Kod PTJ Dipertanggung
D	G	Kod Pegawai Pengawal Dipertanggung
E	H	Kod Pejabat Perakaunan Dipertanggung
F	I	Kod Akaun
G	J	Perihal Aset
H	K	No. Aset
I	L	ID Aset Lama
K	M	Jumlah Keseluruhan Aset - Bilangan
L	N	Jumlah Keseluruhan Aset - Amaun (RM)
J	P	Catatan

SENARAI ASET TIDAK WUJUD TETAPI ADA DI LAPORAN BAKI ASET (LBA)													
SEPERTI PADA <DD><MM><YY> (Contoh: 30 September 2024)													
BIL.	Maklumat Penempatan Aset						Kod Akaun	Perihal Aset	No. Aset	ID Lama Aset	Jumlah Keseluruhan Aset		Tindakan Perlu Diambil
	Kod Pegawai Pengawal Membayar	Kod Pejabat Perakaunan Membayar	Kod PTJ Membayar	Kod PTJ Dipertanggung	Kod Pegawai Pengawal Dipertanggung	Kod Pejabat Perakaunan Dipertanggung					Bilangan	Amaun (RM)	Catatan
1	06	102	27024101	27024101	06	102	A1432199	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - BANGUNAN-BANGUNAN	10000225/99-0	KKJUAN-HC75	1	9,610.02	Tindakan Pelupusan Aset akan dilaksanakan pada 06.12.2024
													Pelupusan Belum Diperakunkan di iGFMAS
													PTJ A
													15.12.2024

- iii. Pastikan semua kolom di Lampiran **B3-B-A2** bagi **Aset Tak Alih (ATA)** diisi dengan lengkap dan jumlah keseluruhan adalah tepat.

- iv. Bagi ruangan **Tindakan Perlu Diambil**, PTJ perlu mengisi maklumat lengkap. Contohnya :
- Pindahan daripada PTJ xxxxxxxx1 kepada PTJ xxxxxxxx2 akan dilaksanakan pada *DD/MM/YY*; atau
 - Tindakan pelupusan aset akan dilaksanakan pada *DD/MM/YY*; atau
 - Perakaunan aset hadiah/ sumbangan akan diakaunkan pada *DD/MM/YY*; atau
 - Data tercicir akan dimigrasi pada *DD/MM/YY*; dan
 - Lain-lain penjelasan berkaitan tindakan yang akan diambil bagi aset yang wujud tetapi tiada di LBA atau aset tidak wujud tetapi ada di LBA.

7. PENGEMASKINIAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN

7.1. Kemas kini baki aset di Laporan Baki Aset (LBA) iGFMAS berdasarkan maklumat di *sheet* berikut:

- *Sheet* Pivot LBA

} Sheet ini telah di pivotkan. Hanya perlu tab **Analyzer >>Refresh**

7.2. Pastikan *sheet* dalam mod filter OS seperti berikut;

- Filter : Selain** daripada **OS 31, 32, 33** bagi AA, ATK, Aset Biologi (termasuk AUC & Aset Pajakan/Konsesi). Salin maklumat akhir **Baki Aset** di *sheet* Pivot LBA ke *sheet* **Lampiran B3-A-A1** bagi **Laporan Perbezaan Aset Alih (AA), Aset Biologi dan Aset Tak Ketara (ATK)**.
- Filter : 31, 32, 33** bagi ATA (termasuk Hartanah Pelaburan, AUC & Aset Pajakan/Konsesi). Salin maklumat akhir **Baki Aset** di *sheet* Pivot LBA ke *sheet* **Lampiran B3-B-A1** bagi **Laporan Perbezaan Aset Tak Alih (ATA)**.

7.3. Kemas kini *sheet* **AA Lampiran B3-A-A1** bagi Laporan Perbezaan Aset Alih (AA), Aset Biologi dan Aset Tak Ketara (ATK) berdasarkan maklumat di *sheet* **AA Lampiran B3-A-A2** yang telah lengkap.

7.4. Kemas kini *sheet* **ATA Lampiran B3-B-A1** bagi Laporan Perbezaan Aset Tak Alih (ATA) berdasarkan maklumat di *sheet* **ATA Lampiran B3-B-A2** yang telah lengkap.

8. PENGESAHAN LAPORAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN

- 8.1. Menggunakan sheet Pivot LBA yang sama, pastikan klik semua OS di mod filter untuk mendapatkan jumlah keseluruhan Aset Bukan Kewangan di LBA.
- 8.2. Pastikan bilangan dan amaun adalah sama dengan maklumat S_PL0_86000030 yang diterima daripada Pejabat Perakaunan.
- 8.3. Kemas kini **sheet B3-C-A1 bagi Pengesahan Aset Bukan Kewangan**. Salin (*copy & paste*) maklumat daripada sheet Pivot Pengesahan LBA ke templat yang disediakan berdasarkan maklumat di kolum seperti berikut;

Kolum di Pivot LBA	Kolum Lampiran B3-C-A1	Perihal
A	C	Pegawai Pengawal (Segmen)
B	D	Kod Pejabat Perakaunan
C	E	Kod PTJ Dipertanggung
D	F	Kod Akaun
I	G	Jumlah Keseluruhan Aset - Bilangan
J	H	Jumlah Keseluruhan Aset - Amaun (RM)

Lampiran B3-C-A1 (PTJ)							
PENGESAHAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA <DD><MM><YY> (Contoh: 30 April 2022)							
KOD PTJ DIPERTANGGUNG		:					
KOD PEGAWAI PENGAWAL		:					
KOD PEJABAT PERAKAUNAN		:					
BIL.	Pegawai Pengawal (Segment)	Kod Pejabat Perakaunan	Kod PTJ Dipertanggung	Kod Akaun	Jumlah Keseluruhan Aset		Catatan
					Bilangan	Amaun (RM)	
1	E2	1110	54010200	A1435101	626	3,301,530.78	
2	E2	1110	54010200	A1435102	198	123,421.47	
3	E2	1110	54010200	A1435103	9	44,842.65	
4	E2	1110	54010200	A1435201	16,875	28,336,436.45	
5	E2	1110	54010200	A1435299	50	113,722.95	
6	E2	1110	54010200	A1435401	1,270	1,070,681.82	
7	E2	1110	54010200	A1435403	4	10,763.12	
8	E2	1110	54010200	A1432101	4	56,014,264.37	
9	E2	1110	54010200	A1432102	2	4,851,028.51	
10	E2	1110	54010200	A1432104	1	31,823,571.00	

- 8.4. Simpan dan namakan templat telah dilengkapkan seperti perangan 6 dan 7 mengikut format "**TVA<Singkatan Nama Kementerian><No. Kod PTJ>**". Sebagai contoh: **TVA KKM 42030501**.

9. CETAK LAPORAN DAN PENGESAHAN

- 9.1. PTJ perlu mencetak semua Laporan Perbezaan Baki Aset dan Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan serta disahkan oleh Ketua Jabatan pada setiap bulan. Semakan merangkumi ketepatan transaksi perakaunan di LBA.
- 9.2. Mengemukakan templat TVA dan laporan yang telah lengkap kepada AO berserta salinan *softcopy* pada setiap sukuan iaitu Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih) dan Lampiran B3-A-A1 & A2, Lampiran B3-B-A1 & A2 serta Lampiran B3-C-A1.
- 9.3. PTJ dengan kadar yang segera perlu mengenal pasti semua item perbezaan dan melaksanakan tindakan pelarasan bagi memastikan LBA di iGFMAS adalah bersamaan dengan keberadaan aset di PTJ.
- 9.4. Jika penyelesaian tidak dapat diselesaikan di peringkat PTJ atau terdapat aset yang memerlukan tindakan pelarasan penjejasan, PTJ bertanggungjawab untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada AO atau BA Kementerian bagi membuat pelarasan ke atas aset terlibat dengan kadar segera.
- 9.5. **LBA dan Laporan Perbezaan Baki Aset yang disediakan oleh PTJ secara bulanan hendaklah disimpan berserta dokumen sokongan lengkap dengan teratur di PTJ.**
- 9.6. Kemukakan maklumat LBA dan dokumen sokongan lengkap semasa proses pengauditan / naziran dilaksanakan oleh Pejabat Perakaunan atau pihak audit.
- 9.7. PTJ bertanggungjawab melaporkan status perakaunan aset dalam mesyuarat JPKA, JKPAK dan JKPAK Fasiliti meliputi laporan kedudukan aset kementerian seperti Laporan Perbezaan Baki Aset dan isu-isu perakaunan aset.

BAHAGIAN B - TINDAKAN PEJABAT PERAKAUNAN

10. PENYEDIAAN LAPORAN ASET BUKAN KEWANGAN DISATUKAN MENGIKUT KEMENTERIAN DAN PEMANTAUAN PTJ

- 10.1. Pejabat Perakaunan bertanggungjawab menyemak dan menyediakan Laporan Perbezaan Baki Aset yang disatukan dengan lengkap mengikut Kementerian. Pastikan semua PTJ mengemukakan laporan yang lengkap.
- 10.2. Semakan ketepatan baki dan amaun aset yang dilaporkan bersamaan dengan S_PL0_86000030 bagi Aset Bukan Kewangan mengikut Kementerian.
- 10.3. Laporan yang disatukan hendaklah disahkan dan dikemukakan kepada BA Kementerian sebelum dikemukakan kepada BPOPA, JANM mengikut tempoh yang ditetapkan selaras dengan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022 dan Jadual Sukuan yang akan ditetapkan oleh BPOPA, JANM.
- 10.4. Semakan ke atas dokumen sokongan serta ketepatan maklumat perakaunan Aset Bukan Kewangan di PTJ dilaksanakan melalui naziran merujuk kepada Garis Panduan Naziran berkuat kuasa.
- 10.5. Memastikan PTJ mengambil tindakan pembetulan dan pelarasan item perbezaan dengan segera dan memberi khidmat nasihat serta cadangan simulasi tindakan kepada PTJ.

11. PENUTUP

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai tatacara ini boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Unit Pengurusan Aset
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
Negeri Pahang,
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur

u.p. : Unit Perakaunan Aset JANM Pahang
Emel : u_aset_phg@anm.gov.my
No. tel : 09-5915000